



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Terengganu

INFO US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan



BULETIN ADALAH HAK MILIK KEKAL MASMED UiTM CAWANGAN TERENGGANU

Perancangan Sumber Perusahaan (Enterprise Resource Planning)

Ruzaidah binti Sulong @ A. Rashid, Noor Malinjasari binti Ali, Hasmida binti Mohd Noor, Siti Fatimah Mardhiah binti Hamzah, Suzila binti Mat Salleh, Raslina binti Mohamed Nor

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu

Koresponden emel: ruzai019@uitm.edu.my

Di dalam era globalisasi dan digitalisasi sistem maklumat yang efisien menjadi keutamaan kepada ahli perniagaan bagi membantu dalam pembuatan keputusan. Semua maklumat perlu dicapai dengan cepat, tepat dan terkini untuk berhadapan dengan segala kemungkinan terutama yang melibatkan kepuasan pelanggan dan juga yang berkaitan dengan pengurusan sumber. Usahawan perlu mempelajari sistem yang berkaitan yang akan memudahkan urusan perniagaannya seperti ERP.

Perancangan sumber perusahaan (Enterprise Resource Planning – ERP didalam Bahasa Inggeris) merupakan satu program perisian utama yang digunakan untuk mengintegrasikan dan memantau maklumat dari pelbagai proses perniagaan, jabatan/fungsi/unit berlainan yang ada didalam sesebuah organisasi. Menurut Shen, Chen & Wang (2016), ERP adalah satu sistem yang dibangunkan untuk mengintegrasikan data dari setiap jabatan atau fungsi dan seterusnya mengagihkan data-data tersebut kepada jabatan-jabatan yang memerlukan untuk kelancaran operasi dalam sesebuah organisasi. Diantara perisian ERP popular yang digunakan adalah Odoo, Epicor Kinetic, NetSuite, Microsoft Dynamics 365, SMURPS, Oracle, SAP dan lain-lain. Perisian-perisian tersebut mempunyai kelebihan dan limitasi tersendiri berdasarkan modul yang disediakan, bilangan pengguna (end users), terhad samaada untuk pengeluaran barangan atau perkhidmatan dan juga kos.

Terdapat empat (4) modul asas yang terdapat dalam ERP iaitu modul pemasaran, pengurusan rantai sumber, perakaunan & kewangan serta modul pengurusan sumber manusia. Pemilihan modul bergantung kepada keperluan sesebuah organisasi dan modul-modul ini dibangunkan mengikut kehendak organisasi (customize). Perunding adalah sangat penting dalam memberi khidmat nasihat berkenaan ciri-ciri (features) perisian yang diperlukan untuk dipadankan dengan proses perniagaan dalam organisasi, dari segi pemilihan vendor dan juga kos perisian ERP sendiri.

Kebaikan ERP kepada organisasi

1. Lebih efisien.

ERP boleh mengautomatiskan banyak tugas-tugas rutin yang dibuat secara manual. Ia juga boleh mengurangkan kesilapan ketika memasukkan data ke dalam sistem kerana data perlu dimasukkan sekali sahaja oleh seorang pekerja dan data tersebut akan digunakan oleh mana-mana jabatan/unit yang berkaitan. Oleh yang demikian ia akan mempercepatkan proses operasi perniagaan, meningkatkan kepuasan pelanggan dan juga pembuatan keputusan yang lebih baik.

2. Pengurusan data yang lebih baik

Sistem ERP menyediakan satu pangkalan data berpusat untuk menyimpan dan menguruskan semua data dalam organisasi. Ia akan membuatkan data lebih selamat, konsisten, terkini dan ia akan mempercepatkan dalam pembuatan keputusan.

3. Kepuasan pelanggan

Apabila data-data perniagaan yang melibatkan pelanggan dapat diuruskan dengan baik, ia akan menyebabkan pelanggan lebih berpuas hati dan setia kepada organisasi. Sebagai contoh, apabila organisasi dapat menyediakan maklumat yang jelas dan tepat berkaitan dengan barang yang ditawarkan terutama yang melibatkan penerimaan barangan yang dibeli, pelanggan akan rasa seronok dan dihargai.

4. Menjimatkan kos

Melalui pengautomasian tugas, sistem ERP dapat mengurangkan kos yang berkaitan dengan bilangan pekerja, stok, penggunaan kertas (lebih mampan) dan juga proses-proses perniagaan yang lain.

Keburukan sistem ERP

1. Kos pemasangan

Pemasangan sistem ERP sangat mahal kerana ia melibatkan pelbagai bayaran. Bayaran perundingan adalah antara bayaran yang utama. Perunding akan mencadangkan modul yang bersesuaian dengan proses perniagaan sesebuah organisasi, perisian yang sesuai dan vendor yang akan membekalkan perisian tersebut. Bayaran pada vendor juga perlu dibuat bagi pembelian perisian ERP sebagaimana yang dicadangkan oleh perunding. Selain dari itu, kos-kos lain yang terlibat termasuklah bayaran lesen penggunaan ERP, penyediaan hardware seperti rangkaian internet dalam organisasi, infrastruktur teknologi, masa yang digunakan untuk melatih pekerja dan juga kos latihan.

2. Kompleks

Sistem ERP sangat kompleks dan memerlukan orang yang pakar untuk pemasangan, konfigurasi dan juga penyelenggaraan. Organisasi perlu membuat pelaburan dalam penyediaan kursus-kursus/latihan secara berterusan dan juga mengambil pekerja yang pakar untuk pengurusan sistem.

Sistem ERP mempunyai kelebihan dan kekurangannya tersendiri. Walau bagaimanapun terdapat banyak kajian yang telah dilakukan berkenaan pelaksanaan sistem ERP ini yang telah berjaya meningkatkan prestasi perniagaan sesebuah organisasi (Sara & Hani, 2020). Oleh yang demikian, organisasi dalam industri kecil dan sederhana seharusnya mencuba untuk menggunakan sistem ini agar lebih berdaya saing dalam pengurusan data dan maklumat agar lebih cepat, tepat dan selamat.

[5] Syaimak Abdul Shukor, Aida Sheikhi, Amni Husna Mohd Nashir (2020). Enterprise Resource Planning (ERP) Adaptation in Malaysia Agricultural SME: Issues and Trends. *Journal of Theoretical and Applied Information Technology*. 98 (12).

